

# Kesan diabetes awal elak jalani hemodialisis

**KUALA LUMPUR** - Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menasihatkan penghidap diabetes agar mendapatkan rawatan pada peringkat awal bagi mengekalkan mereka daripada menjalani hemodialisis sepanjang hayat.

Kebiasaannya, kira-kira 30 hingga 40 peratus pesakit akan mengalami masalah ginjal yang mengambil masa antara 10 hingga 20 tahun selepas diabetes menyerang.

Pengerusi Ahli Lembaga NKF, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher berkata, dalam tempoh setahun seramai 7,000 pesakit diabetes akan menjalani rawatan hemodialisis dan antara punca lain diabetes kerana tekanan darah tinggi dan menghisap rokok.



ZAKI MORAD

“Kini hampir 70 peratus atau 5,000 daripada 7,000 pesakit diabetes telah menjalani hemodialisis.

“Jumlah ini dianggarkan akan meningkat dan antara sebabnya kerana tiada langkah pencegahan untuk mengelak diabetes,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Mesyuarat Tahunan Dialisis 2016 di sebuah hotel di sini semalam.

Turut diadakan sempena mesyuarat tersebut ialah seminar berhubung amalan gaya hidup sihat dan pencegahan diabetes.

Seminar dua hari bermula semalam itu dihadiri 500 peserta yang terdiri daripada doktor, jururawat dan wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan.